

**SKEMA TASAWWUR ISLAM  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2025  
NEGERI MELAKA**

**BAHAGIAN A**

NO SOALAN	JAWAPAN
1	Islam
2	Inovatif
3	Madani
4	'Alamiyyah
5	Umum
6	Keimanan
7	Khilafah
8	Agama
9	T
10	S
11	Pengakuan / Pembuktian
12	Pengakuan / Pembuktian
13	Efektif
14	Integriti
15	Wali / Saksi / Akad (Sighah / Ijab Kabul)
16	Wali / Saksi / Akad (Sighah / Ijab Kabul)
17	✓
18	✗
19	✓
20	✗

## BAHAGIAN B

1	(a)	<p><b><u>Maksud Islam sebagai al-Din</u></b></p> <p>Islam adalah cara hidup yang lengkap (1m) merangkumi akidah, ibadah dan akhlak (1m)</p>	<p>2 isi x 1m = 2m</p>
	(ii)	<p><b><u>Dua sebab manusia perlu kepada Islam sebagai al-Din</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memandu arah hidup manusia (1m) supaya mengikut syariat Islam (1m)</li> <li>- Cara mendapat kebahagiaan (1m) di dunia dan akhirat (1m)</li> <li>- Akal manusia terbatas (1m) untuk mengetahui hakikat kebenaran sesuatu perkara (1m)</li> <li>- Islam menjadi asas tatacara perhubungan manusia (1m) untuk mencapai keharmonian bermasyarakat (1m)</li> </ul>	<p>2 isi x 2m = 4m</p>
	(iii)	<p><b><u>Dua tindakan untuk menjadikan Islam sebagai cara hidup</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Membaca al-Quran</li> <li>- Menghayati al-Quran</li> <li>- Mengamalkan al-Quran</li> <li>- Menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh</li> <li>- Menghayati sirah perjuangan Rasulullah SAW</li> <li>- Menghayati sirah perjuangan para sahabat dan salafussoleh</li> <li>- Menghayati rukun Islam / rukun iman dan ihsan</li> <li>- Melaksanakan rukun Islam / rukun iman dan ihsan</li> <li>- Mendalamai ilmu asas Islam</li> </ul> <p><b>Mana-mana jawapan munasabah diterima</b></p>	<p>2 isi x 1m = 2m</p>
	(b)	<p><b><u>Dua jenis pemilikan harta</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Hak milik individu</li> <li>- Hak milik umum</li> <li>- Hak milik negara</li> </ul>	<p>2 isi x 1m = 2m</p>
	(ii)	<p><b><u>Dua matlamat pemilikan harta</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mendapat keberkatan / keredhaan Allah SWT (1m) kerana menurut peraturan syariat (1m)</li> <li>- Menjamin keselamatan hidup (1m) di dunia dan di akhirat (1m)</li> <li>- Membangunkan ekonomi umat Islam (1m) supaya dipandang tinggi oleh masyarakat (1m)</li> <li>- Mengelakkan berlakunya penindasan / kezaliman (1m) dalam kalangan masyarakat (1m)</li> </ul>	<p>2 isi x 2m = 4m</p>

	(c)	(i)	<p><b><u>Dua kitab</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Zabur</li> <li>- Taurat</li> <li>- Injil</li> <li>- Al-Quran</li> </ul>	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	<p><b><u>Amalan yang boleh dilakukan sebagai bukti meyakini perkara di atas</u></b></p> <p>Mengamalkan ajaran yang terdapat di dalam al-Quran (1m). Hal ini supaya umat Islam terpelihara daripada melakukan perbuatan yang menyeleweng (1m). Kesannya, umat Islam akan menjadi umat yang sentiasa taat kepada perintah Allah SWT (1m). Kesimpulannya, kita hendaklah berpegang teguh kepada segala suruhan Allah SWT seperti di dalam kitab yang dibawa oleh para rasul supaya hidup sentiasa dalam keberkatan-Nya (1m).</p> <p><b><u>Cadangan jawapan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memahami ajaran yang terdapat dalam al-Quran / kitab</li> <li>- Menolak ajaran yang bertentangan dengan al-Quran / kitab</li> <li>- Menggunakan petunjuk al-Quran dalam membuat keputusan</li> <li>- Menyebarkan ajaran al-Quran kepada orang lain</li> </ul> <p><b><u>Mana-mana jawapan munasabah diterima</u></b></p>	4m I H1 H2 K

2	(a)	(i)	<p><b>Maksud manusia sebagai khalifah Allah SWT</b></p> <p>Manusia wajib mentadbir dan memakmurkan bumi (1m) selari dengan kehendak syariat (1m)</p>	2m
		(ii)	<p><b>Dua hubungan antara hamba dengan khalifah Allah SWT</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Hakikat manusia sebagai hamba Allah SWT bukanlah satu penghinaan (1m) sebaliknya satu kemuliaan (1m)</li> <li>- Keistimewaan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT merupakan anugerah dan amanah (1m) yang tidak dimiliki makhluk lain (1m)</li> <li>- Hubungan hamba dengan khalifah Allah SWT dapat dijelmakan dengan konsep penyerahan diri kepada Allah SWT (1m) dalam akidah, syariat dan akhlak (1m)</li> </ul>	2 isi x 2m = 4m
		(iii)	<p><b>Dua kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT dari segi politik</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Dapat melahirkan pemimpin yang berintegriti dan amanah (1m) dalam melaksanakan tugasnya sebagai ketua (1m)</li> <li>- Kestabilan politik terjamin (1m) supaya kebajikan rakyat terjamin (1m)</li> <li>- Melancarkan urusan pentadbiran negara (1m) agar tidak berlaku penyalahgunaan kuasa (1m)</li> <li>- Negara akan menjadi aman dan sejahtera (1m) kerana masyarakat hidup saling hormat menghormati antara satu sama lain (1m)</li> </ul> <p><b>Mana-mana jawapan munasabah diterima</b></p>	2 isi x 2m = 4m
	(b)	(i)	<p><b>Dua matlamat sistem perundangan Islam</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memelihara agama</li> <li>- Memelihara nyawa</li> <li>- Memelihara akal</li> <li>- Memelihara keturunan</li> <li>- Memelihara harta</li> </ul>	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	<p><b>Cara Islam memelihara keturunan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mensyariatkan perkahwinan (1m) untuk melahirkan zuriat yang sah (1m)</li> <li>- Menetapkan golongan wanita yang haram dikahwini (1m) seperti ibu kandung (1m)</li> <li>- Melarang perbuatan zina / liwat / lesbian / gay (1m) kerana boleh merosakkan keturunan (1m)</li> <li>- Mensyariatkan hukuman sebat 100 kali / rejam sampai mati (1m) supaya masyarakat mengambil iktibar (1m)</li> </ul>	1 isi x 2m = 2m

	(c)	(i)	<p><b><u>Kesan pengabaian pelaksanaan sistem perundangan Islam terhadap negara</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengancam keselamatan / keamanan negara</li> <li>- Mewujudkan penindasan / kezaliman / rasuah / penyelewengan dalam negara</li> </ul>	1m
		(ii)	<p><b><u>Cara untuk mengatasi kesan pengabaian tersebut</u></b></p> <p>Pada pandangan saya, cara untuk mengatasinya ialah dengan memberi didikan agama yang sempurna (1m) agar tidak melanggar hukum syarak (1m). Ini dapat mengelakkan daripada melakukan perkara yang menyalahi perundangan Islam (1m) seperti terlibat dengan ajaran sesat (1m). Oleh itu, pihak berkuasa perlulah melaksanakan sistem perundangan Islam agar negara berada dalam keadaan yang baik (1m).</p> <p><b><u>Cadangan jawapan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mematuhi / melaksanakan undang-undang syariat Islam</li> <li>- Mengamalkan muamalat Islam</li> <li>- Mengadakan kempen / ceramah mengenai perundangan Islam</li> </ul> <p><b><u>Mana-mana jawapan munasabah diterima</u></b></p>	5m I H1 H2 H3 K

3	(a)	(i)	<p><b><u>Dua matlamat sistem sosial Islam</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mendapatkan keredaan Allah SWT</li> <li>- Melaksanakan tugas sebagai khalifah untuk mentadbir dan memakmurkan alam</li> <li>- Melaksanakan hak dan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya</li> <li>- Mencapai kesejahteraan dan keharmonian hidup di dunia dan akhirat</li> </ul>	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	<p><b><u>Dua keistimewaan sistem sosial Islam</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah (1m) yang merangkumi segala aspek kehidupan (1m)</li> <li>- Menjaga hak asasi manusia (1m) bagi merealisasikan keadilan sosial (1m)</li> <li>- Menyemai sikap saling memahami antara ahli masyarakat (1m) agar hidup harmoni (1m)</li> <li>- Menjadikan keluarga sebagai asas masyarakat sejahtera (1m) bagi mewujudkan individu yang berkualiti / berakhhlak mulia / bertakwa (1m)</li> <li>- Membangunkan modal insan yang berilmu dan berakhhlak Mulia (1m) dengan mementingkan penguasaan ilmu pengetahuan (1m)</li> </ul>	2 isi x 2m = 4m
	(b)		<p><b><u>Sambutan di atas dapat merealisasikan sistem sosial Islam dalam kehidupan</u></b></p> <p>Pada pendapat saya, program di atas dapat memupuk hubungan baik antara masyarakat dalam negara (1m) dengan cara berkenalan-kenalan antara satu sama lain (1m) tidak kira agama, bangsa dan negara (1m). Kesannya, dapat mewujudkan masyarakat yang bersatu padu (1m) sehingga melahirkan warganegara yang cintakan negara (1m). Kesimpulannya, kita hendaklah saling menghormati antara satu sama lain supaya negara aman dan harmoni (1m).</p> <p><b><u>Cadangan jawapan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memupuk semangat perpaduan</li> <li>- Mewujudkan suasana saling membantu</li> <li>- Menjalinkan perasaan muhibah</li> <li>- Mewujudkan persefahaman</li> <li>- Melahirkan perasaan saling menghormati</li> </ul> <p><b><u>Mana-mana jawapan munasabah diterima</u></b></p>	6m  I H1 H2 H3 H4 K

	(c)	(i)	<p><b><u>Maksud pengurusan</u></b></p> <p>Mengguna serta menyelenggara sumber manusia dan sumber alam (1m) untuk kebajikan manusia (1m)</p>	2m
		(ii)	<p><b><u>Dua sistem pentadbiran dan pengurusan yang dipraktikkan pada zaman pemerintahan Khulafa al-Rasyidin</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sesuatu dasar diputuskan melalui kaedah syura (1m) iaitu keputusan yang dibuat berdasarkan suara majoriti (1m)</li> <li>- Khalifah berperanan sebagai ketua eksekutif dan perundangan (1m) yang merupakan panglima tertinggi dlm pentadbiran (1m)</li> <li>- Pentadbiran di setiap wilayah diketuai oleh gabenor (1m) yang dibantu oleh setiausaha dan pegawai tertentu (1m)</li> <li>- Institusi baitulmal didirikan pada peringkat pusat dan di setiap wilayah (1m) bagi mengendalikan urusan kewangan (1m)</li> </ul>	2 isi x 2m = 4m
		(d)	<p><b><u>Dua prinsip tadbir urus Islam</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bersumberkan al-Quran dan al-Hadis</li> <li>- Bermatlamatkan dunia dan akhirat</li> <li>- Pentadbir sebagai pemegang amanah</li> <li>- Berasaskan keimanan kepada Allah SWT</li> <li>- Berteraskan nilai-nilai akhlak</li> <li>- Urusan pentadbiran dijalankan berdasarkan konsep syura</li> <li>- Mengamalkan konsep keadilan dalam pentadbiran</li> </ul>	2 isi x 1m = 2m

4	(a)	(i)	<b>Maksud Syumuliyyah</b>  Agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW lengkap dan sempurna (1m) meliputi kehidupan di dunia dan akhirat (1m)	2m
		(ii)	<b>Dua ciri prinsip syumuliyyah</b>  - Kesempurnaan hanya milik Allah SWT (2m) - Islam tidak terikat dengan masa, tempat dan ruang tertentu (2m) - Manusia dibekalkan dengan akal dan syariat yang lengkap sesuai dengan tanggungjawab hamba dan khalifah (2m)	2 isi x 2m = 4m
	(b)		<b>Dua keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam</b>  - Sesuai dengan fitrah dan akal manusia (1m) untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah di muka bumi (1m) - Bersifat jelas dan praktikal (1m) agar mudah dilaksanakan dalam kehidupan (1m) - Sesuai dengan peranan manusia sebagai khalifah (1m) dalam memakmurkan alam (1m) - Seimbang (1m) dalam hubungan dengan Allah SWT, manusia dan alam sekitar (1m) - Mementingkan budaya ilmu (1m) untuk meningkatkan darjat manusia dan tamadun (1m) - Rahmat bagi sekelian alam (1m) kerana Islam mementingkan nilai kasih sayang dan persaudaraan (1m)	2 isi x 2m = 4m
	(c)	(i)	<b>Jenis muamalat</b>  Al- Wadiah	1m
		(ii)	<b>Muamalat tersebut dapat diamalkan oleh murid sekolah secara istiqamah</b>  Menyimpan / menabung wang lebihan belanja sekolah secara berkala (1m) di tabung simpanan sendiri / institusi kewangan / bank (1m). Kesannya, murid dapat memupuk sifat berjimat sejak dari kecil (1m) untuk kegunaan masa depan mereka (1m). Kesimpulannya, anak-anak hendaklah diberi didikan tentang kewangan agar mereka terhindar daripada sifat boros (1m).	5m  I H1 H2 H3 K

		<p><b><u>Cadangan isi</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menetapkan matlamat simpanan seperti membeli buku atau barang keperluan</li> <li>- Mewujudkan tabiat berjimat cermat dan berdisiplin dalam kewangan</li> <li>- Menyimpan dengan niat untuk mengelakkan pembaziran dan hutang</li> <li>- Membuat rekod simpanan sebagai motivasi dan menilai perkembangannya</li> </ul> <p><b>Mana-mana jawapan munasabah diterima</b></p>	
	(d)	<p><b><u>Dua keburukan tidak bermuamalat dengan muamalat Islam kepada masyarakat</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Masyarakat berpecah belah (1m) kerana hilang semangat tolongan menolong (1m)</li> <li>- Masyarakat tidak aman (1m) kerana berlaku permusuhan (1m)</li> <li>- Berlaku penindasan dalam masyarakat (1m) seperti riba (1m)</li> <li>- Masyarakat akan bersikap prejUDIS antara satu sama lain (1m) (1m) kerana saling tidak mempercayai (1m)</li> </ul> <p><b>Mana-mana jawapan munasabah diterima</b></p>	<p>2 isi x 2m = 4m</p>

5	(a)	(i)	<p><b>Maksud wahyu</b></p> <p>Kalam Allah SWT (1m) yang disampaikan kepada para nabi dan rasul melalui perantaraan malaikat Jibrail a.s. atau terus daripada Allah SWT (1m)</p>	2m
		(ii)	<p><b>Dua ciri wahyu</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Datang daripada Allah SWT</li> <li>- Kebenarannya mutlak</li> <li>- Diturunkan kepada nabi dan rasul sahaja</li> <li>- Kesuciannya terpelihara hingga hari kiamat</li> <li>- Wahyu tidak diturunkan selepas kewafatan Rasulullah SAW</li> <li>- Penurunan wahyu adalah melalui perantaraan malaikat Jibrail a.s/ mimpi yang benar / suara di sebalik tabir / Allah SWT mengilhamkan ke dalam hati Rasulullah SAW</li> </ul>	2 isi x 1m = 2m
	(b)		<p><b>Sebab gejala seks songsang ditegah dalam Islam</b></p> <p>Aktiviti seks songsang bertentangan dengan tuntutan wahyu al-Quran (1m) kerana perkara ini telah terbukti membawa penyakit berjangkit (1m) seperti HIV/AIDS (1m). Ia memberi kesan buruk kepada struktur sosial dan kesihatan orang awam (1m). Sehubungan itu, Islam menegah seks songsang bukan untuk menyekat kebebasan, tetapi untuk menjaga akhlak, kesihatan, keturunan dan keharmonian masyarakat (1m). Oleh itu, umat Islam perlu patuh kepada batas kebebasan yang ditetapkan oleh Allah SWT (1m).</p> <p><b>Cadangan jawapan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Meruntuhkan nilai akhlak dan moral</li> <li>- Kebebasan individu dalam Islam ada batasnya</li> <li>- Bertentangan dengan hukum syarak</li> <li>- Merosakkan institusi keluarga</li> <li>- Menyimpang daripada tujuan penciptaan manusia/fitrah manusia</li> <li>- Mencemarkan nasab / keturunan</li> </ul> <p><b>Mana-mana jawapan munasabah diterima</b></p>	6m I H1 H2 H3 H4 K
	(c)	(i)	<p><b>Dua bentuk hukuman takzir yang dilaksanakan di negara kita</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Nasihat / teguran</li> <li>- Ancaman</li> <li>- Pemulauan</li> <li>- Pengisyiharan umum</li> <li>- Denda / merampas harta (sita)</li> <li>- Sebat</li> <li>- Buang daerah</li> <li>- Penjara</li> </ul>	2 isi x 1m = 2m

	(ii)	<p><b><u>Dua kesalahan bagi hukuman takzir</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesalahan hudud dan qisas yang tidak cukup bukti (1m) untuk dikenakan hukuman (1m)</li> <li>- Kesalahan khalwat (1m) kerana perbuatan tersebut menghampiri zina (1m)</li> <li>- Mencuri yang tidak cukup nisab (1m) kerana mendatangkan kerugian kepada orang lain (1m)</li> <li>- Perbuatan mengganggu ketenteraman awam (1m) seperti menipu, rasuah, berjudi, kesalahan jalan raya, dadah dan sebagainya (1m)</li> </ul>	2 isi x 2m = 4m
	(d)	<p><b><u>Dua syarat saksi dalam prosedur keterangan untuk mensabitkan kesalahan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Saksi mesti baligh / sempurna akal / adil / amanah / bebas daripada sebarang keraguan (1m) agar keterangannya boleh diterima (1m)</li> <li>- Saksi tidak bermusuhan dengan orang yang didakwa (1m) untuk mengelakkan ketidakadilan (1m)</li> <li>- Bagi sesetengah kes bilangan saksi sekurang-kurangnya dua orang lelaki / seorang lelaki dan dua orang perempuan (1m) yang adil (1m)</li> <li>- Bagi kes perzinaan, saksinya empat orang lelaki (1m) yang adil (1m)</li> </ul>	2 isi x 2m = 4m

6	(a)	(i)	<p><b><u>Dua konsep kesenian menurut Islam</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengagungkan Allah SWT</li> <li>- Berteraskan syariat Islam</li> <li>- Meliputi aspek iman dan akhlak</li> <li>- Bersifat menyeluruh meliputi fizikal dan kerohanian</li> <li>- Membangunkan potensi umat Islam</li> </ul>	2 isi x 1m = 2m
		(ii)	<p><b><u>Empat contoh kesenian Islam dalam kehidupan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Seni kaligrafi / khat</li> <li>- Seni lukis</li> <li>- Seni seramik</li> <li>- Seni fotografi</li> <li>- Seni bina</li> <li>- Seni hiburan Islam / nasyid / qasidah / nazam / dan lain-lain lagi</li> </ul> <p><b>Mana-mana jawapan munasabah diterima</b></p>	4 isi x 1m = 4m
		(iii)	<p><b><u>Dua syarat yang perlu diambil berat dalam pemilihan fesyen pakaian yang menepati svarak</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memilih fesyen pakaian yang menutup aurat (1m) supaya direndai Allah SWT (1m)</li> <li>- Memilih fesyen pakaian yang longgar (1m) supaya disukai masyarakat (1m)</li> <li>- Memastikan pakaian tersebut tidak ketat (1m) sehingga menampakkan bentuk tubuh (1m)</li> <li>- Memastikan pakaian tersebut tidak jarang (1m) sehingga menampakkan bahagian tubuh / pakaian dalam (1m)</li> <li>- Tidak memilih pakaian yang diperbuat daripada bahan yang haram (1m) seperti kulit / bulu babi (1m)</li> </ul> <p><b>Mana-mana jawapan munasabah diterima</b></p>	2 isi x 2m = 4m
	(b)	(i)	<p><b><u>Pengasas Piagam Madinah</u></b></p> <p>Nabi Muhammad / Rasulullah SAW</p>	1m
		(ii)	<p><b><u>Tahun Piagam Madinah digubal</u></b></p> <p>1H / 622M</p>	1m

	(iii)	<p><b><u>Kesan daripada Piagam Madinah terhadap suasana kehidupan Masyarakat majmuk pada zaman Rasulullah SAW</u></b></p> <p>Menyelesaikan perselisihan secara adil (1m) tanpa berlaku percaduhan antara satu sama lain (1m). Hal ini menyumbang kepada suasana yang harmoni / mengurangkan risiko rusuhan (1m). Kesimpulannya, Piagam Madinah berjaya menyatupadukan semua bangsa di Madinah sehingga melahirkan masyarakat yang sejahtera (1m).</p> <p><b><u>Cadangan jawapan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyatu dan mendamaikan perhubungan antara suku kaum di Madinah (1m) yang sebelum ini sentiasa bertelagah (1m)</li> <li>- Setiap penduduk berasa selamat tinggal di Madinah (1m) tanpa rasa takut (1m)</li> <li>- Membina semangat kerjasama (1m) dalam menjaga keamanan dan keselamatan negara (1m)</li> </ul>	4m
	(c)	<p><b><u>Dua ciri khilafah</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Melaksanakan undang-undang Allah SWT (1m) bersumberkan al-Quran dan al-hadis (1m)</li> <li>- Melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar (1m) supaya dapat mewujudkan kesejahteraan (1m)</li> <li>- Menegakkan keadilan (1m) tanpa membezakan pangkat / keturunan / warna kulit (1m)</li> <li>- Mewujudkan perpaduan dalam kalangan rakyat (1m) bagi mengelakkan perpecahan (1m)</li> </ul>	2 isi x 2m = 4m